

Kursus vokasional tidak guna alat mahal

BH 19 AUG 2000

JOHOR BAHRU, Jumaat – Kementerian Pendidikan berharap dapat menawarkan kursus atau mata pelajaran vokasional dalam bidang yang tidak membabitkan peralatan mahal di sekolah harian biasa.

Menterinya, Tan Sri Musa Mohamad, berkata langkah ini bagi menyediakan peluang lebih luas kepada pelajar memandangkan pendidikan di bidang itu adalah asas pembangunan sumber manusia negara dalam sektor industri perkhidmatan dan pembuatan.

“Malah, bidang (vokasional) berkenaan tidak membabitkan peralatan mahal seperti bengkel dan mesin seperti disediakan di sekolah vokasional sekarang.

“Kita boleh menawarkan mata pelajaran kerja kemahiran ringan seperti seni rekaan fesyen, sajian makanan dan pelancongan untuk membolehkan pelajar turut mengambil mata pelajaran itu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di sekolah biasa.

“Matlamat kita (kementerian) ialah menyediakan peluang yang cukup meluas kepada pelajar (sekolah biasa) yang kurang berminat dalam bidang akademik, tetapi boleh mengembang bakat yang mereka miliki untuk berjaya dalam kehidupan dan menyumbang pada kemajuan negara,” katanya.

Beliau berucap pada pelancaran Galeri Ibu Azizah di Sekolah Menengah Vokasional Azizah (SMVA) Johor Bahru, di sini, hari ini.

Teks ucapan beliau dibaca Pengarah Bahagian Pengurusan Pendidikan Teknik dan Vokasional Jabatan Pendidikan Teknikal, Esham Samin.

Hadir sama ialah Pengarah Pendidikan Johor, Rashdi Ramlan; Pegawai Pendidikan Daerah Johor Bahru, Ali Ismail; Pengerusi SMVA, Hariah Muhi serta Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMVA, Md Sabri Karmani.

Sehubungan itu, Musa berkata, kementerian ada menubuhkan Kolej Komuniti yang menawarkan diploma dan sijil pasca SPM bagi mereka yang berminat meningkatkan kelayakan dalam bidang kemahiran di peringkat lebih tinggi.

“Menerusi penyediaan peluang lebih meluas dalam bidang kemahiran ini, hasrat menyediakan sumber tenaga manusia yang mencukupi dalam bidang yang diperlukan akan tercapai,” katanya.

Katanya, negara sekurang-kurangnya tidak lagi terlalu bergantung kepada sumber tenaga mahir dari luar untuk pembangunan negara di masa depan.